

K. P.U. 8.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA
PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI) 1995

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Lesen dikehendaki.
4. Fee lesen.
5. Budi bicara Majlis.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
7. Kebersihan.
8. Perubahan dan tambahan.
9. Kebenaran Majlis.
10. Halangan.
11. Kegunaan lain tidak dibenarkan.
12. Pencahayaan.
13. Keselamatan.
14. Pencegahan kebakaran.
15. Kuasa untuk memasuki.
16. Pengecualian.
17. Penalty.

JADUAL.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA
PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI) 1995**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Sungai Petani membuat dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil berikut:

Nama, pemakaian
dan mula berkuat-
kuasa.

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Sungai Petani) 1995** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Sungai Petani.

 (2) Undang-undang Kecil ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Yang Dipertua” ertiannya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani dan termasuklah Setiausaha;

“lot Ictak kereta” ertiannya ruang yang ditandakan di tempat meletak kereta untuk meletak satu kenderaan bermotor;

“Majlis” ertiannya Majlis Perbandaran Sungai Petani;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat atau badan berkanun atau persatuan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“tempat letak kereta persendirian” ertiannya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Majlis atau Kerajaan untuk meletak sepuluh buah kenderaan motor atau lebih, dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan tertakluk kepada bayaran fee sama ada bagi setiap jam atau selainnya.

Lesen di-
kehendaki.

3. Tiada seorang pun boleh menjalankan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika dia memiliki lesen yang sah yang diberikan bagi maksud ini di bawah Undang-undang Kecil ini.

Fee lesen.

4. (1) Fee yang kena dibayar untuk mendapatkan atau membaharui lesen hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Sesuatu lesen melainkan digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah berkuatkuasa sehingga 31hb Disember berikut tarikh permulaan lesen itu dan boleh dibaharui pada atau sebelum tarikh habis tempohnya.

(3) Sesuatu lesen tidak boleh dipindahmilik kepada mana-mana orang lain dan pemegang lesen tidak boleh mengendalikan melalui mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu.

5. Pemberian sesuatu lesen hendaklah menurut budi bicara Majlis.

Budi bicara Majlis.

6. Permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen untuk menjalankan sesuatu tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis berserta dengan pelan pendua menunjukkan tempat, dimensi dan muatan tempat letak kereta itu.

Permohonan untuk mendapatkan lesen.

7. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga tempat letak kereta persendirianya supaya dalam keadaan bersih setiap masa.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan bekas sampah yang cukup di tempat letak kereta persendirianya.

8. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan jumlah lot letak kereta dalam lengkungan tempat letak kereta persendirianya kecuali dengan kelulusan bertulis dari Majlis terlebih dahulu.

Perubahan dan tambahan.

9. Pemegang lesen hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan Majlis bagi apa-apa bayaran serta-kadar yang dikenakan.

Kebenaran Majlis.

10. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk menjamin bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang kelincinan lalulintas di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendirianya.

Halangan.

11. Pemegang lesen hendaklah tidak boleh menggunakan atau membenar digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendirianya bagi apa-apa maksud lain selain daripada untuk meletak kenderaan motor kecuali dengan kelulusan bertulis dari Majlis terlebih dahulu.

Kegunaan lain tidak dibenarkan.

12. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup dan, jika tempat letak kereta persendirian itu bertutup, ganti udara yang cukup di tempat letak kereta persendirianya hingga memuaskan Majlis.

Pencahayaan.

13. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi oleh Majlis dan pihak Polis untuk memastikan bahawa keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendirianya.

Keselamatan.

14. Pemegang lesen hendaklah memastikan—

Pencegahan kebakaran.

(a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Yang Dipertua;

-
- (b) bahawa tangga dan jalan keluar dikendalikan dengan sempurna;
- (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan; dan
- (d) bahawa tiap-tiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang,

di tempat letak kereta persendirinya.

Kuasa untuk memasuki.

15. Yang Dipertua, mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya atau pihak Polis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi maksud menentukan sama ada—

- (a) tanah atau premis itu sedang digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa lesen yang sah diberi berkenaan dengannya; atau
- (b) suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan.

Pengecualian.

16. Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan atau kategori orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini atau mengenepikan mana-mana atau kesemua syarat Undang-undang Kecil ini atau menggantikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat ini sebagaimana yang difikirkan patut.

Penalti.

17. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 4(1))

FEE LESEN TAHUNAN

<i>Bilangan lot letak kereta bagi satu tempat letak kereta</i>	<i>Fee kena dibayar RM</i>
10 — 50 tempat letak kereta	150.00 setahun
51 — 100 tempat letak kereta	300.00 setahun
101 — 200 tempat letak kereta	500.00 setahun
201 — 300 tempat letak kereta	750.00 setahun

<i>Bilangan lot letak kereta bagi satu tempat letak kereta</i>	<i>Fee kena dibayar RM</i>
301 – 400 tempat letak kereta	1,000.00 setahun
401 – 500 tempat letak kereta	1,200.00 setahun
501 ke atas tempat letak kereta	1,500.00 setahun

Diperbuat pada 12 September 1995.
 [MDKM (IP) A. 7/1978 Jld. I.]

HAJI MOHD. PUAT BIN MOHD. ALI,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

Disahkan pada 18 Mac 1996.
 [PSU(K) 98/1396 SK. 32.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS
(SUNGAI PETANI MUNICIPAL COUNCIL) 1995

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.
3. Licence required.
4. Licence fee.
5. Discretion of Council.
6. Application of licence.
7. Cleanliness.
8. Alteration and addition.
9. Council approval.
10. Obstruction.
11. Other uses not permitting.
12. Lighting.
13. Security.
14. Fire prevention.
15. Power of entry.
16. Exemption.
17. Penalty.

SCHEDULE.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

**LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS
(SUNGAI PETANI MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1995**

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Sungai Petani Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority confirms the following By-Laws:

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Licensing of Private Car Parks (Sungai Petani Municipal Council) By-Laws 1995** and shall apply only to the Sungai Petani Municipal Council area. Citation, application and commencement.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires— Interpretation.

“President” means the President of the Sungai Petani Municipal Council and includes the Secretary;

“parking lot” means the space marked out in a parking place for the parking of one motor vehicle;

“Council” means Sungai Petani Municipal Council;

“person” includes a company or statutory body or association or body of persons corporate or unincorporate;

“private car park” means any land or premises or part thereof owned or occupied by any person other than the President or the Government and used for the parking of ten or more motor vehicles, and to which any member of the public is admitted to park any vehicle subject to the payment of a fee whether hourly or otherwise.

3. No person shall operate a private car park unless he is in possession of a valid licence granted for that purpose under these By-Laws. Licence required.

4. (1) The fee payable for the grant or renewal of a licence shall be as set out in the Schedule. Licence fee.

(2) A licence shall unless sooner suspended or revoked remain in force until the 31st day of December next following the date of commencement of the licence and may be renewed on or before the date of expiry.

(3) A licence shall not be transferred to any other person and no licensee shall operate through any other person except with the prior written consent of the Council.

-
- | | |
|---------------------------|---|
| Discretion of President. | 5. The granting of a licence shall be at the Council's discretion. |
| Application of licence. | 6. An application for a licence to operate a private car park shall be made in writing to the Council in such form as the Council may determine accompanied by a plan in duplicate showing the location, dimensions and capacity of the car park. |
| Cleanliness. | 7. (1) Every licensee shall keep his private car park clean at all times.
(2) Every licensee shall provide adequate refuse receptacles in his private car park. |
| Alteration and addition. | 8. The licensee shall not increase or reduce the number of car parking lots within his private car park except with the prior written approval of the Council. |
| Council approval. | 9. The licensee shall obtain the consent and the approval of the Council for any payment and the rate to be imposed. |
| Obstruction. | 10. The licensee shall take adequate measures to ensure that no vehicle is parked in any manner so as to obstruct the free flow of traffic inside or in the vicinity of his private car park. |
| Other uses not permitted. | 11. The licensee shall not use or permit to be used any part of his private car park for any purpose other than for the parking of motor vehicles except with the prior written approval of the Council. |
| Lighting. | 12. The licensee shall provide adequate lighting and, if it is a covered private car park, adequate ventilation to the satisfaction of the Council. |
| Security. | 13. The licensee shall comply with all instructions given by the Council and the Police to ensure that adequate security is provided in his private car park. |
| Fire prevention. | 14. The licensee shall ensure—
<ul style="list-style-type: none"> (a) that adequate fire fighting equipment is installed to the satisfaction of the President; (b) that staircases and exits are properly maintained; (c) that all staircases, passages, landings and exits are kept clear of all obstructions; and (d) that every door is so constructed and fitted as to be readily opened, in his private car park. |
| Power of entry. | 15. The President, any officer authorised by him or the Police may at any time enter any land or premises for the purpose of ascertaining whether—
<ul style="list-style-type: none"> (a) the land or premises is or are being used as a private car park without a valid licence granted in respect thereof; or (b) an offence under these By-Laws has been committed. |

16. The Council may exempt any person or class or category of persons from all or any of the provisions of these By-Laws or waive any or all of the conditions of these By-Laws or substitute for any or all of these conditions as it may consider fit. Exemption.

17. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws is guilty of an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit or imprisonment for a period not exceeding six months or both, and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction. Penalty.

SCHEDULE

(By-Laws 4(1))

ANNUAL LICENCE FEES

<i>Number of parking lots per car-park</i>	<i>Fees payable RM</i>
10 – 50 parking lots per car-park	150.00 p.a.
51 – 100 parking lots per car-park	300.00 p.a.
101 – 200 parking lots per car-park	500.00 p.a.
201 – 300 parking lots per car-park	750.00 p.a.
301 – 400 parking lots per car-park	1,000.00 p.a.
401 – 500 parking lots per car-park	1,200.00 p.a.
501 and above parking lots per car-park	1,500.00 p.a.

Made the 12th September 1995.
[MDKM (IP) A. 7/1978 Jld. I.]

HAI MOHD. PUAT BIN MOHD. ALI,
President,
Sungai Petani Municipal Council

Confirmed on 18th March 1996.
[PSU(K) 98/1396 SK. 32.]

HAI SULAIMAN BIN HAI DAUD,
Clerk of the State Executive Council,
Kedah Darul Aman